

Banjir kilat landa tiga kampung Orang Asli di Raub

RAUB – Beberapa kawasan di sekitar Batu Talam di sini dilanda banjir kilat semalam apabila hujan lebat selama empat jam mengakibatkan paras air Sungai Tanjung Malim dan Sungai Lipis naik secara mendadak melimpahi tebing.

Dalam kejadian yang berlaku pada pukul 5 pagi itu, kira-kira 100 buah rumah di perkampungan Orang Asli Pos Satak, Kampung Tersang dan Kampung Sia dengan penduduk dianggarkan kira-kira 500 orang ditenggelami air berlumpur yang melimpah dari sungai.

Kejadian banjir kilat itu dipercayai berpunca daripada ekosistem sekitar kawasan itu yang terjejas akibat penerokaan hutan.

Kebanyakan penduduk yang masih tidur ketika banjir melanda hanya sempat menyelamatkan diri serta ahli keluarga masing-masing dan hanya sekadar dapat melihat rumah mereka ditenggelami air sedalam kira-kira satu meter.

Musibah yang melanda itu turut mengakibatkan dua buah rumah di Perumahan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Sungai Sia, Ulu Sungai terjejas teruk ekoran kejadian tebing runtuh.

Mereka yang terlibat di tempatkan di balai raya dan sekolah yang berdekatan sebelum dibenarkan pulang apabila paras air mula surut.



DUA penduduk kampung di sekitar Batu Talam, Raub meredah banjir yang melanda kawasan itu semalam.

Tok Batin Basir Anak Arik berkata, kejadian yang berlaku itu adalah sesuatu yang di luar jangkaan kerana selama 49 tahun dia menetap kawasan tersebut, tidak pernah berlaku kejadian banjir sama ada besar mahupun kecil.

“Saya mula-mula tidak percaya

apabila isteri mengejutkan saya daripada tidur dan memberitahu rumah kami dinaiki air.

“Sejak saya lahir di sini belum pernah lagi berlaku banjir, tidak sangka pula ia terjadi... tak tahu apa punca sebenar kejadian ini,” ujarnya.



BEGINILAH keadaan sebahagian perkampungan Orang Asli di Batu Talam, Raub.

Seorang penduduk yang menjadi mangsa tebing runtuh, **Zamzuri Mat Yusof**, 43, pula melahirkan rasa terkilan kerana tidak sempat untuk menyelamatkan barangan penting termasuk pakaian dan buku sekolah milik tiga orang anaknya.

“Ketika saya tersedar apabila ada bunyi dentuman kuat dari bahagian dapur, saya terus jadi takut dan menjerit kepada semua anak supaya keluar menyelamatkan diri.

“Saya sedih mengenangkan barangan anak-anak tak boleh diselamatkan tetapi syukur kami semua dapat menyelamatkan diri,” katanya.

Penghulu Mukim Batu Talam, **Shukor Jamaluddin** pula berkata, kebanyakan rumah yang terjejas dalam kejadian banjir kali ini adalah mereka yang berada di kawasan yang belum pernah dilanda banjir.

“Ia sememangnya sesuatu yang di luar jangkaan kita kerana kawasan yang terjejas adalah kawasan yang tidak pernah terlibat dengan banjir sebelum ini.

“Namun begitu, kita bersyukur kerana tiada nyawa yang terkorban dan air surut dengan pantas,” katanya.

Sementara itu, jurucakap Pejabat Tanah Dan Galian Raub ketika dihubungi berkata, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengadakan bantian terhadap mangsa yang terlibat dengan kejadian itu untuk bantuan yang akan disalurkan.

Menurutnya, laporan penuh mengenai kejadian itu masih belum diterima dan siasatan akan dijalankan bagi mengenal pasti punca sebenar banjir kilat boleh berlaku.